

153 pelajar Labuan pulang dari Semenanjung dan Sarawak negatif COVID-19

LABUAN: Kesemua 153 pelajar yang pulang dari kampus masing-masing di Semenanjung dan Sarawak dan dikuarantinkan sejak minggu lepas, telah diuji negatif COVID-19 dan akan dibenarkan pulang ke rumah masing-masing, secara berperingkat bermula semalam.

Seramai 111 pelajar tersebut merupakan pelajar institusi pengajian tinggi di Semenanjung, manakala 42 lagi pelajar di Sarawak.

Pengarah Jabatan Kesihatan Labuan Dr Ismuni Bohari berkata, kesemua pelajar terbabit telah ditempatkan di dua pusat kuarantin di Pusat Giat Mara dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) sebaik tiba minggu lepas, dan kini mereka boleh meneruskan kuarantin di rumah.

"Kami melawat mereka di pusat kuarantin pagi ini, dan disebabkan mereka telah diuji negatif COVID-19, kami membenarkan mereka

untuk meneruskan kuarantin di rumah, sekurangnya mereka boleh menyambut Aidilfitri bersama ibu bapa dan adik beradik.

"Kami tidak melakukan ujian swab secara rawak, tetapi sebaliknya kami lakukan 100 peratus ujian bagi memastikan kesemua mereka bebas COVID-19," katanya kepada Bernama di sini.

Sementara itu Dr Ismuni berkata, Labuan telah diisytiharkan sebagai zon hijau dan pihaknya kini terus bekerja

keras bagi memastikan status tersebut dapat dikekalkan, dan memastikan orang ramai terus mematuhi langkah-langkah pencegahan seperti jarakan sosial dan mengekalkan tahap kebersihan yang tinggi.

Menurutnya, kesemua penjual di pasar basah dan kering di Pasar Sentral hari ini menjalani ujian swab dan saringan kesihatan manakala kakitangan pasar raya juga telah menjalani ujian yang sama minggu lepas. — Bernama